

Headline **1,007 dapat lesen**
Date **26. Jan 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Setempat**
Circulation **172903**
Readership **605160**

Language **MALAY**
Page No **24**
Article Size **290** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



1,007 dapat lesen

Buka peluang OKU, ibu tunggal, siswazah, penganggur berniaga

KUALA LUMPUR: Bagi menggalakkan golongan orang kurang upaya (OKU) meningkatkan taraf hidup mereka, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan lesen perniagaan kepada 19 individu istimewa terabit, semalam.

Lesen berkenaan sebahagian daripada 1,007 lesen yang diserahkan kepada pemohon terdiri daripada OKU, penganggur, ibu tunggal, belia dan siswazah dalam majlis penyerahan lesen kepada penjaja baru di Stadium Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Ia diserahkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique dan Datuk Bandar, Datuk Ab Hakim Borhan. Turut hadir, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup.

Tukang urut, Ahmad Abdullah, 56, yang cacat penglihatan berkata, dia terharu apabila permohonan pertama kalinya mendapat perhatian dan layak menerima lesen bagi menjalankan perniagaan mengurus.

Katanya, pemberian lesen itu kepada golongan sepertinya bukan hanya sekadar peluang berniaga, malah membantu meningkatkan tahap keyaki-



AHMAD...25 tahun mengurus

SERAH...Zulhasnan menyerahkan lesen niaga kepada golongan OKU, semalam.

nan kerana rasa setaraf dengan orang normal.

"Namun, masih ramai OKU yang tidak memohon lesen kerana mereka tidak tahu dan ingat mereka tidak layak dapat lesen kerana kecacatan dialami," katanya.

Ahmad yang mempunyai pengalaman menjadi tukang urut sejak 25 tahun bakal menjalankan perniagaan perkhidmatan mengurus di Bazaria Larut Malam Velodrome, Bandar Tun Razak, Cheras.

Pemberian lesen itu turut membabitkan 138 penjaja terdiri daripada belia berusia antara 18 dan 26 tahun, ter-

masuk lima siswazah.

Graduan lepasan Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Zambri Abas, 26, berkata walaupun belajar dalam bidang seni bina landskap, dia lebih berminat berniaga berikutan tidak gemar bekerja di bawah orang lain.

Katanya, dia bergiat aktif dalam perniagaan burger secara kecil-kecilan sejak empat tahun lalu dan hingga kini sudah boleh berbangga kerana mampu mempunyai lima cawangan di sekitar ibu kota.

"Pemberian lesen kepada golongan belia adalah baik

kerana ia membakar semangat kami untuk lebih maju dan impian saya untuk mempunyai rangkaian perniagaan pada peringkat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Zulhasnan berkata, pemberian lesen berkenaan dalam usaha pihaknya mengurangkan kadar kemiskinan dalam bandar seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk kota.

Katanya, oleh itu penjaja yang memiliki lesen diingatkan menjalankan perniagaan secara jujur dan tidak memajakkan lesen mereka kepada orang lain terutama